

19/06/2002

Mercy Malaysia minta bantuan ke Palestin

PETALING JAYA, Selasa - Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy Malaysia) meminta pertolongan Wisma Putra mencari jalan bagi membolehkan persatuan itu menghantar pasukannya ke kem pelarian di Palestin.

Presiden Mercy Malaysia, Datuk Dr Jemilah Mahmood berkata persatuan berharap Kementerian Luar boleh mencari jalan bagi membolehkan pasukannya beroperasi dengan selamat di Palestin berikutan semua pintu masuk ke wilayah negara itu dikawal tentera Israel.

Katanya. Mercy Malaysia mahu menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan hasrat persatuan itu.

Dr Jemilah berkata misi ke Palestin itu dicadangkan berikutan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) di antara Mercy Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah Qatar (QRCS).

"QRCS sudah beroperasi di Palestin dan mempelawa Mercy Malaysia menyertai program itu dan kami sudah bersetuju menjadi rakan," katanya.

Mercy Malaysia dan QRCS bercadang membuka unit kesihatan asas di Bandar Gaza, Tebing Barat, Hebron dan Jenin di Palestin selain memberikan latihan kepada doktor mengenai perubatan kecemasan dan trauma.

Mengenai misi ke Afghanistan, Dr Jemilah berkata Mercy Malaysia bercadang mengambil alih operasi sebuah hospital di Kandahar, Pakistan.

(END)